

**NO. SOALAN : 268**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN LOKE SIEW FOOK  
[ SEREMBAN ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan statistik terperinci kedatangan pelancong asing mengikut negara asal untuk setiap bulan dari Januari sehingga September 2016 berbanding tempoh yang sama untuk tahun 2014 dan 2015**

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik terperinci kedatangan pelancong asing mengikut negara asal untuk setiap bulan dari Januari sehingga Jun 2016 berbanding tempoh yang sama untuk tahun 2014 dan 2015 adalah seperti berikut:

No.	Negara Asal	2016	2015	2014	Pertumbuhan (%)	
		Januari - Jun			2014/ 2016	2015/ 2016
1	Singapura	6,596,452	6,392,155	7,095,067	(7.0)	3.2
2	Indonesia	1,378,699	1,313,886	1,354,529	1.8	4.9
3	China	992,463	751,383	850,877	16.6	32.1
4	Thailand	864,453	654,535	683,482	26.5	32.1
5	Brunei Darussalam	637,369	553,412	599,831	6.3	15.2
6	India	359,853	378,654	392,448	(8.3)	(5.0)
7	Korea Selatan	228,023	205,013	189,083	20.6	11.2
8	United Kingdom	206,313	201,814	231,022	(10.7)	2.2
9	Filipina	220,163	293,024	316,656	(30.5)	(24.9)
10	Jepun	198,693	223,998	267,087	(25.6)	(11.3)
11	Australia	179,553	230,427	296,262	(39.4)	(22.1)
12	Taiwan	141,066	136,063	132,359	6.6	3.7
13	Amerika Syarikat	114,023	122,386	137,514	(17.1)	(6.8)
14	Vietnam	103,237	110,197	142,415	(27.5)	(6.3)
15	Perancis	69,162	76,377	85,787	(19.4)	(9.4)
16	Jerman	67,300	72,941	79,698	(15.6)	(7.7)
17	Bangladesh	55,868	75,089	91,775	(39.1)	(25.6)
18	Saudi Arabia	43,176	40,395	52,780	(18.2)	6.9
19	Nepal	38,846	61,509	80,242	(51.6)	(36.8)

20	Kanada	38,446	41,594	50,005	(23.1)	(7.6)
21	Kemboja	31,825	36,728	36,757	(13.4)	(13.3)
22	Belanda	26,942	38,765	44,974	(40.1)	(30.5)
23	Rusia	26,456	30,307	35,385	(25.2)	(12.7)
24	Myanmar	25,604	37,084	47,480	(46.1)	(31.0)
25	Pakistan	25,049	36,688	45,273	(44.7)	(31.7)
26	New Zealand	24,601	28,972	34,358	(28.4)	(15.1)
27	Iran	24,038	32,713	38,126	(37.0)	(26.5)
28	Sweden	18,413	20,234	24,088	(23.6)	(9.0)
29	Itali	16,105	23,030	24,626	(34.6)	(30.1)
30	Sri Lanka	15,634	23,513	32,200	(51.4)	(33.5)
31	Mesir	13,838	11,322	13,171	5.1	22.2
32	Laos	13,732	10,830	16,534	(16.9)	26.8
33	Switzerland	13,193	13,716	15,460	(14.7)	(3.8)
34	Sepanyol	10,167	14,649	15,056	(32.5)	(30.6)
35	Denmark	9,885	13,106	14,869	(33.5)	(24.6)
36	Poland	9,549	8,878	9,977	(4.3)	7.6
37	Afrika Selatan	8,635	10,020	11,275	(23.4)	(13.8)
38	Iraq	8,428	8,573	11,753	(28.3)	(1.7)
39	Norway	7,798	10,173	12,199	(36.1)	(23.3)
40	Ireland	7,734	11,476	14,082	(45.1)	(32.6)
41	Ukraine	6,833	5,336	5,300	28.9	28.1
42	Turki	6,140	8,053	9,082	(32.4)	(23.8)
43	Kazakhstan	5,522	8,008	9,845	(43.9)	(31.0)
44	Belgium	5,034	8,859	10,359	(51.4)	(43.2)
45	Emiriah Arab Bersatu	4,689	5,484	7,932	(40.9)	(14.5)
46	Lain-Lain	133,773	175,931	205,966	(35.1)	(24.0)
<b>Jumlah Besar</b>		<b>13,032,775</b>	<b>12,567,300</b>	<b>13,875,046</b>	<b>(6.1)</b>	<b>3.7</b>

Statistik bagi suku ketiga tahun 2016 masih dalam proses penyediaan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK  
[SEREMBAN]**

**SOALAN : 269**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan statistik terperinci berkenaan bilangan penempatan Orang Asli mengikut pecahan daerah dan negeri yang masih belum dapat menikmati bekalan air terawat 24 jam, bekalan elektrik, jalan berturap dan juga talian telekomunikasi GSM ataupun 3G.

## **JAWAPAN**

Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa memberi keutamaan dalam memperlengkapkan kemudahan asas di perkampungan Orang Asli. Berdasarkan kepada statistik JAKOA, terdapat sebanyak 853 buah kampung Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, terdapat sebanyak 183 buah kampung yang belum dibekalkan dengan sistem bekalan air terawat, 190 buah kampung belum mendapat bekalan elektrik dan 134 buah kampung belum mendapat kemudahan jalan berturap. Perincian kampung mengikut negeri yang telah dan belum dilengkapi kemudahan air, elektrik dan jalan perhubungan adalah seperti di **Jadual 1**.

Bagi perkhidmatan talian telekomunikasi GSM ataupun 3G, kementerian ini tidak mempunyai data berkaitan kerana perkhidmatan ini disediakan oleh kementerian yang berlainan. Walau bagaimanapun, 525 buah kampung yang terletak di kawasan pinggir bandar telahpun menikmati kemudahan perkhidmatan rangkaian mudah alih tanpa wayar ini manakala

sekurang-kurangnya 20% daripada 322 kampung di kawasan pedalaman boleh dihubungi dengan perkhidmatan rangkaian mudah alih.

**Jadual 1: Bilangan Kampung yang telah dan belum dilengkapi kemudahan air, elektrik dan jalan perhubungan**

Negeri	Jumlah Kampung	Air		Elektrik		Jalan Perhubungan	
		Ada	Tiada	Ada	Tiada	Ada	Tiada
Pahang	262	227	35	195	67	222	40
Perak	255	108	147	213	42	213	42
Selangor	74	74	0	70	4	72	2
Kelantan	118	118	0	45	73	71	47
Johor	58	58	0	55	3	57	1
N.Sembilan	68	67	1	67	1	67	1
Melaka	14	14	0	14	0	13	1
Terengganu	3	3	0	3	0	3	0
Kedah	1	1	0	1	0	1	0
<b>JUMLAH</b>	<b>853</b>	<b>670</b>	<b>183</b>	<b>663</b>	<b>190</b>	<b>719</b>	<b>134</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LOKE SIEW FOOK  
[ SEREMBAN ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua Projek Mesra Rakyat di bawah peruntukan Jabatan Perdana Menteri yang diluluskan untuk kawasan Parlimen Seremban bagi tahun 2016 serta kos setiap projek tersebut.

SULIT

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 128 program/ projek telah diluluskan pelaksanaannya di kawasan Parlimen Seremban di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri. Kos keseluruhan pelaksanaan projek adalah sebanyak RM8.45 juta.

Sekian. Terima kasih.